

200 pelajar IPT menjayakan Program Destini SMJ Anak Muda Sabah di UMS

UB 16.06.2023 P.06

KOTA KINABALU: Hampir 200 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta menjayakan Program Destini SMJ Anak Muda Sabah yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, pada Rabu lepas.

Program yang diadakan buat edisi yang ketiga itu adalah anjuran Institut Kerjasama Kerajaan dan Rakyat (IKRAR) Sabah dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS.

La antara lain bertujuan untuk menyampaikan maklumat dasar dan polisi kerajaan khususnya anak muda mengenai hala tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Selain itu, ia bagi mendapatkan maklum balas daripada rakyat berkenaan pelaksanaan hala tuju SMJ.

Pengisian program melibatkan sesi dialog dan soal jawab bersama dua panel jemputan iaitu Pembantu Menteri Belia dan Sukan Datuk Fairuz Renddan dan Pengarah IKRAR Azrul Ibrahim.

Ketika ditemui media Fairuz memaklumkan, selain penerangan tentang hala tuju SMJ, program itu juga memberi penerangan tentang pelbagai bantuan yang disalurkan kerajaan negeri kepada rakyat dan golongan belia.

"Di samping itu, kita mendengar pandangan dan persoalan daripada mahasiswa. Alhamdulillah setakat ni program ini sampai kepada sasaran kita.

"Mudah-mudahan



CENDERAHATI: Fairuz (tengah) menerima cenderahati yang disampaikan Azrul (kiri) sambil disaksikan Asmady.



VANESSA

hari ini, para peserta dapat memahami seterusnya boleh menyampaikan apa sebenarnya hala tuju SMJ itu kepada masyarakat di luar sana," katanya.

Sementara itu, seorang peserta, Vanessa Adiex, 24, berkata, pengajaran program Destini SMJ Anak Muda Sabah amat bertepatan bagi membolehkan para pelajar menyampaikan pandangan dan idea ke-



MUHAMMAD DHAN

pada pihak kerajaan. "Sebagai mahasiswa, jarang kita mendapat ruang dan peluang seumpama ini. Selain mendapat informasi berkaitan hala tuju SMJ, ia juga merupakan platform yang tepat untuk kami menyuarakan pendapat kepada pihak kerajaan," katanya.

Seorang lagi peserta, Muhammad Dhan Dhan Farsaudi, 24, memaklumkan bahawa

program tersebut memberikan impak yang sangat positif kerana golongan mahasiswa merupakan golongan belia yang akan menjadi pewaris kepimpinan pada masa hadapan.

"Apabila program seumpama ini diadakan, kerajaan boleh melihat secara terus tentang keperluan dan keinginan sebenar para belia dan mahasiswa. Jadi kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengadakan program bermanfaat seumpama ini," katanya.

Hadir sama, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS Prof Madya. Dr. Asmady Idris; Pengarah Pusat Sukan UMS Ahmadi Nurdin; Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Mohd. Raffie Janau; dan Presiden MPP UMS Jeeva Cassandra Abdul Mumin.